

# 1.04 juta peminjam PTPTN terima surat berperingkat

Urusan hantar perjanjian baru calon layak caj satu peratus mulai Januari

Oleh Norliza Wasilan  
norlizawasilan@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Seramai 1.04 juta peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan menerima surat secara berperingkat mulai Januari depan bagi urusan mengemas kini status pinjaman mereka berhubung kadar caj satu peratus.

Pengerusinya, Datuk Dr Mohamad Shahrudin Osman, berkata penghantaran surat secara berperingkat itu tidak dapat dielakkan berikutan senarai nama peminjam PTPTN yang layak menerima keistimewaan potongan caj perkhidmatan itu melebihi sejuta orang.

"Ia akan dilakukan secara berperingkat mulai Januari ini, bagaimanapun tarikhnya (untuk mula menghantar surat perjanjian baru) masih belum diputuskan.

"Peminjam perlu memberi maklum balas kepada PTPTN dengan mengisi butiran yang diperlukan sebelum menghantar semula (kepada PTPTN) dalam tempoh sebulan daripada tempoh penghantaran surat," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Sebelum ini, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dipetik sebagai berkata, semua 1.04 juta peminjam PTPTN yang membuat pinjaman sebelum 1 Jun 2008, perlu meng-

isyiharkan status pinjaman bagi melayakkan mereka menikmati caj perkhidmatan satu peratus mulai tahun depan.

Akhbar sebelum ini juga melaporkan, peminjam yang



*Apabila kita menerima maklum balas, proses pelarasan akan dilakukan dan mereka akan menerima kadar satu peratus itu"*

**Dr Mohamad Shahrudin Osman**  
Pengerusi PTPTN

gagal berbuat demikian berdepan risiko terus dikenakan caj pinjaman pada kadar lama iaitu tiga peratus atau lima peratus, jika surat tawaran perjanjian baru yang mengandungi pengurangan caj itu tidak sampai kepada mereka.

Sebelum ini PTPTN mengenakan caj tiga peratus bagi penuntut ijazah sarjana muda dan lima peratus untuk penuntut ijazah sarjana dan doktor falsafah (Ph.D).

Sehubungan itu, Dr Mohamad Shahrudin berharap semua peminjam akan segera mengemaskini alamat masing-masing bagi membolehkan surat perjanjian baru dapat sampai kepada mereka bagi mengelakkan sebarang

kesulitan pada masa akan datang.

Katanya, selepas menerima surat perjanjian baru, peminjam perlu memberi maklum balas segera dalam tempoh sebulan bagi membolehkan pelarasan jumlah pinjaman dapat dilakukan.

Ditanya tempoh masa yang perlu diambil untuk membuat pelarasan sebelum peminjam boleh menikmati kadar berkenaan, beliau berkata, PTPTN akan membuat penelitian mengenai perkara itu.

"Apabila kita menerima maklum balas daripada peminjam, proses pelarasan akan dilakukan dan mereka akan menerima kadar satu peratus itu selepas penelitian dilakukan," katanya.